



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL  
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**PROGRAM CITARASA MALAYSIA  
HARI BERSAMA PKS**

**25 MAC 2019 (ISNIN)**

**DEWAN SERBAGUNA, ARAS G  
KPDNHEP**

## **TERIMA KASIH SAUDARA PENGERUSI MAJLIS**

### **SALUTASI**

#### **YB Tuan Chong Chieng Jen**

Timbalan Menteri  
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

#### **YBhg. Datuk Muez Bin Abd. Aziz**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

#### **YBhg. Datuk Badrul Hisham Bin Mohd**

Timbalan Ksu (Perdagangan Dalam Negeri)  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

#### **YBhg. Datuk Rostam Affendi Bin Dato' Salleh**

Timbalan Ketua Setiausaha (Kepenggunaan & Pengurusan)  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

#### **YBhg. Datin Norhaini Udin**

Ketua Pengarah Lembaga Koko Malaysia (LKM)

#### **Ybhg. Datuk Mohd Zamree bin Mohd Ishak**

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Credit Guarantee Corporation  
Malaysia Berhad (CGC)

**Mr Patrik Jonasson**

Director of the Asia Pacific of GS1 Global

*(Welcome to the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs. We are very pleased to have you with us today)*

**YBhg Encik Sulaiman bin Arshad**

Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM Commercial Malaysia

**Ketua-Ketua Eksekutif dan Ketua-Ketua Pengarah**

**Ketua-Ketua Agensi KPDNHEP, Ketua-Ketua Bahagian KPDNHEP**

**Usahawan-Usahawan PKS, Rakan-Rakan Media**

**YBhg. Dato'-Dato'/Tuan-Tuan/Puan-Puan Sekalian**

**Assalamualaikum W.B.T dan salam sejahtera,**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya dapat kita semua hadir di dalam **Program Citarasa Malaysia – Hari Bersama PKS** yang dianjurkan oleh KPDNHEP pada hari ini.

Saya difahamkan bahawa, pada hari ini terdapat **enam puluh (60) PKS dan tujuh buah (7) agensi/ organisasi** yang mengambil bahagian dalam pameran yang merangkumi *booth* jualan pelbagai produk tempatan dan *booth* informasi serta khidmat bantu kepada pks. Untuk makluman hadirin sekalian, pada tahun 2019, siri jelajah Program Citarasa Malaysia akan dilaksanakan di empat belas (14) buah lokasi di seluruh Malaysia.

Program pada hari ini adalah merupakan sebuah program tahunan yang bertujuan mempromosikan produk-produk tempatan dengan tema beli barang buatan Malaysia. Program ini juga merupakan salah satu inisiatif kerajaan ini bagi membantu usahawan-usahawan PKS tempatan dalam usaha mempertingkatkan kualiti produk-produk tempatan serta merangka strategi perniagaan yang lebih kompetitif di pasaran domestik.

Kerjasama strategik yang dibentuk antara jabatan/ agensi/ organisasi adalah merangkumi perkara seperti *access to retail* melalui kerjasama bersama Credit Guarantee Corporation dan GS1 Malaysia Berhad. Manakala bagi program cita rasa malaysia adalah melalui kerjasama bersama Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Lembaga

Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Sirim Berhad.

Program pada hari ini juga mempunyai kelainan dari siri sebelum ini di mana ia turut menyaksikan pelaksanaan program usahawan cilik. Melalui program ini pelajar sekolah rendah diberi pendedahan bagi menjalankan aktiviti jualan dan promosi secara langsung di bawah bimbingan PKS.

Pelaksanaan aktiviti *junior entrepreneurs* ini bertujuan memupuk minat terhadap perniagaan dalam diri murid, memberi pengalaman dan pengetahuan baru kepada murid dari aspek kemahiran bermula, mengasah kemahiran berfikir aras tinggi secara kritis dan kreatif dalam dunia perniagaan dan menggalakkan kerjasama berpasukan, memupuk keyakinan diri serta mendedahkan usahawan cilik ini mengenai persaingan secara sihat.

Bagi menghargai kerjasama pihak sekolah yang dalam menjayakan program usahawan cilik ini, hasil jualan oleh usahawan cilik akan disumbangkan semula kepada pihak sekolah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

**PERANAN KPDNHEP DALAM MEMAJUKAN USAHAWAN-USAHAWAN PKS TEMPATAN**

KPDNHEP sebagai sebuah Kementerian yang mengawal selia sektor perdagangan dalam negeri turut juga berperanan dalam

membangun dan memajukan industri peruncitan di negara ini. KPDNHEP sentiasa komited dalam memajukan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKS) tempatan.

Pelbagai program dan aktiviti telah dirangka di bawah program transformasi produk dan pengedaran berkesan bagi memastikan produk-produk jenama tempatan dapat bersaing dengan produk-produk asing di dalam negara. Matlamat ini, selain dari penganjuran Program Citarasa Malaysia, direalisasikan melalui pelaksanaan program-program khusus seperti program pembangunan produk, program suaian perniagaan dan program *food sampling and merchandising*.

Dalam sektor pemborongan dan peruncitan (*wholesale & retail trade*), KPDNHEP telah dan akan sentiasa membantu usahawan-usahawan PKS tempatan terutamanya dari segi pembangunan produk bagi membolehkan mereka lebih berdaya saing, kompetitif dan mampu menembusi pasaran di peringkat pasar raya seterusnya ke peringkat antarabangsa.

Sehingga kini, sejumlah 1,762 pengusaha-pengusaha PKS tempatan dengan jenama dan produk masing-masing telah berdaftar dengan KPDNHEP dan berdasarkan kepada pemantauan yang telah dilakukan, sebahagian besar daripada mereka masih aktif dalam perniagaan masing-masing. Hampir 15% daripadanya telah berjaya disenaraikan dan boleh didapati di pasar raya seluruh negara.

Umum mengetahui bahawa terdapat pelbagai Kementerian serta agensi-agensi kerajaan yang mempunyai fungsi yang hampir sama dalam

membangunkan usahawan-usahawan PKS tempatan. Namun, kelebihan yang dimiliki oleh Kementerian ini adalah kami mempunyai akses dan hubungan yang sangat erat dengan pemain-pemain dalam sektor peruncitan di negara ini terutamanya pasar raya tempatan dan pasar raya asing.

Hadirin yang dihormati sekalian,

**INISIATIF KPDNHEP UNTUK MEMASARKAN PRODUK PKS TEMPATAN KE PASARAN HYPERMARKET**

KPDNHEP akan sentiasa membantu syarikat PKS tempatan untuk mempertingkatkan jumlah produk-produk tempatan bagi menembusi pasaran pasar raya daripada semasa ke semasa terutamanya melalui Program Citarasa Malaysia yang telah diadakan sejak tahun 2013 sehingga kini dan telah berjaya membantu mempromosikan lebih daripada **500 jenama syarikat PKS tempatan**.

Selain itu, Kementerian turut membantu dalam meningkatkan mutu dan kualiti produk untuk bersaing dan seterusnya berpotensi untuk dipasarkan di pasar raya besar dengan penambahbaikan terhadap pembungkusan (*packaging*), pelabelan dan tempoh hayat produk (*shelf-life*).

Bagi tempoh enam tahun dari 2011 sehingga 2018, Kementerian telah berjaya membangunkan sejumlah 305 SKU bagi 142 produk pelbagai jenama dengan pelabelan dan pembungkusan yang lebih menarik melalui kerjasama daripada pihak SIRIM, MARDI dan Pusat Pembangunan Reka

Bentuk Malaysia (DDEC). Inisiatif ini dilaksanakan bagi membolehkan produk tersebut kelihatan lebih menarik dan berdaya maju untuk dipasarkan di pasar raya sekaligus dapat meningkatkan jumlah jualan produk masing-masing.

Hadirin yang dihormati sekalian,

## **PENUTUP**

Akhir kata sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Tidak dilupakan untuk saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak rakan kerjasama strategik dan juga kepada semua pihak yang terlibat bagi menjayakan Program Citarasa Malaysia pada petang ini.

Wassalamualaikum W.B.T dan Salam hormat.

Terima kasih.